



**[A COMPARATIVE STUDY OF VERB TRANSLATION IN ARABIC TO ENGLISH
THESIS ABSTRACTS]**

**KAJIAN PERBANDINGAN PENTERJEMAHAN KATA KERJA DALAM ABSTRAK
TESIS BAHASA ARAB KE BAHASA INGGERIS**

**¹Nik Norimah Tuan Mat, ¹Azman Che Mat, ²Harniza Abd Razak*

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Terengganu

²English Language Department, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*Corresponding author: niknorimah@uitm.edu.my

Received: 26 January 2022 | Accepted: 22 March 2022

Abstract

This study discusses translation of thesis abstract which is an informative text. The objectives are to discover translation of verb, to compare the syntax of Arabic and English and to analyze the method of translation used in the process. The methodology used was qualitative approach applying content analysis method of 12 abstract thesis selected as the sample of the study. The results showed that there were differences in translating verb from Arabic into English. English has a fixed word structure while Arabic has a variable word structure. The findings showed that direct translation method; literal method is used in translating the abstract of the thesis. In conclusion, the knowledge of similarities and differences between Arabic and English plays an important role in producing a precise abstract translation.

Keywords: *Abstract, Verb, Translation, Syntax*

Abstrak

Kajian ini membincangkan penterjemahan teks informatif, iaitu abstrak tesis. Ia bertujuan untuk mengenalpasti penterjemahan kata kerja dalam penterjemahan abstrak tesis, membandingkan aspek sintaksis Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris serta menganalisis kaedah terjemahan yang digunakan. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap 12 abstrak tesis (A1-A12) yang terpilih sebagai sampel kajian. Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan padanan kata kerja dalam penterjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris didapati mempunyai struktur kata yang tetap manakala Bahasa Arab mempunyai struktur kata yang boleh berubah-ubah. Dapatan kajian menunjukkan kaedah terjemahan langsung, iaitu secara literal digunakan dalam menterjemahkan abstrak tesis. Pengetahuan mengenai perbezaan yang wujud antara bahasa Arab dan bahasa Inggeris berperanan penting dalam menghasilkan terjemahan abstrak berkualiti dan persis.

Kata kunci: *Abstrak, Kata Kerja, Penterjemahan, Sintaksis*

Cite as: Tuan Mat, N.N., Che Mat, A., Abd. Razak, H. (2022). Kajian Perbandingan Penterjemahan Kata Kerja Dalam Abstrak Tesis Bahasa Arab Ke Bahasa Inggeris. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(1), 52–62.

PENGENALAN

Menurut buku *Panduan Penulisan Tesis Universiti Tun Hussien Onn, Malaysia* (2012), abstrak tesis merupakan ringkasan pendek bagi sesuatu tesis yang menerangkan tentang rasional dan objektif (pernyataan masalah), metodologi, keputusan dan kesimpulan bagi sesuatu kajian yang dijalankan. Ia adalah penulisan ilmiah yang bersifat informatif. Reiss (2012) menjelaskan teks informatif ialah teks yang memberikan fokus kepada kandungan teks serta berfungsi untuk menyampaikan maklumat. Abstrak merupakan jenis teks informatif yang mempunyai fungsi informatif (mewakili objek dan fakta) yang mana penterjemahannya memerlukan kepada kaedah bahasa prosa biasa dan penjelasan sekiranya perlu supaya teks yang terhasil mempunyai kesan yang dapat sepadan dengan teks sumber (Haslina Haroon 2015: 7-8).

Terjemahan menurut Catford (1965) ialah keupayaan mengganti teks bahasa sumber (BSu) dengan teks yang sepadan dalam bahasa sasaran (BSa). Definisi yang serupa turut diberikan oleh Newmark (1988) dan Larson (1984). Penterjemahan dapat disimpulkan sebagai aktiviti mengalihbahasakan teks BSu menjadi teks bahasa sasaran dengan makna sepadan. Justeru itu, penterjemahan melibatkan dua perkara penting, iaitu:

- 1) Penterjemahan melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran dan kedua-dua bahasa tersebut harus dikuasai penterjemah.
- 2) Teks terjemahan harus mengandungi makna (pesan), nada dan gaya yang sama dengan teks aslinya tetapi diterjemahkan melalui struktur bahasa sasaran (Nur Faezah Mohd Ayob 2015: 1-2).

Dalam proses penterjemahan, aspek padanan merupakan satu elemen penting dalam menghasilkan terjemahan yang baik. Namun permasalahan dalam kerja penterjemahan ialah mencari padanan kata yang sejadi dan sepadan. Nida (1975) menyatakan bahawa tugas seseorang penterjemah ialah membincangkan kata serta set fitur komponen yang diwakili oleh kata-kata itu. Penterjemah mestilah menentukan set yang sepadan dengan kemungkinan yang terbesar bagi saling kesesuaian. Hal ini kerana setiap kata atau unit linguistik mungkin mempunyai sebilangan set komponen semantik yang berlainan iaitu satu set komponen semantik bagi setiap makna (Goh, S. S. 2011: 41).

Dalam bidang penterjemahan, secara umumnya teori penterjemahan terbahagi kepada dua, iaitu teori terjemahan langsung dan teori terjemahan tidak langsung. Jenis penterjemahan langsung ialah semantik, formal, relevan, harfiah dan literal. Penterjemahan tidak langsung pula merangkumi komunikatif, dinamik, bebas dan idiomatik. Teori terjemahan langsung memberikan tumpuan kepada teks bahasa sumber manakala terjemahan tidak langsung pula memberi penekanan kepada teks sasaran. Pemilihan teori ini berperanan penting dalam menentukan kaedah terjemahan yang bersesuaian (Muhammad Firdaus & Maheram Ahmad. 2015: 197-202).

Terdapat beberapa jenis kaedah terjemahan yang dikemukakan oleh para sarjana. Antaranya ialah terjemahan kata demi kata oleh Catford (1965), terjemahan literal oleh Wilss (1982), terjemahan dinamik oleh Nida (1964) dan terjemahan semantik oleh Newmark (1981) (Lim, E.L.L 1997: 24). Pemilihan jenis kaedah terjemahan ini mempengaruhi penghasilan terjemahan yang berkualiti.

Azman Che Mat et al. (2016) menyatakan bahawa semasa proses penterjemahan berlaku, terdapat beberapa perkara penting dalam kedua-dua bahasa yang perlu diberi perhatian iaitu aspek morfologi, sintaksis, semantik dan simbol berkaitan. Aspek tatabahasa memainkan peranan dalam menentukan kemampuan pelajar untuk menterjemahkan teks secara tepat. Kebanyakan pelajar didapati tidak menguasai tatabahasa dengan baik sebagai contoh dalam menentukan kata ganti nama yang bersesuaian bagi lelaki dan perempuan di dalam bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh perbezaan yang wujud di dalam tatabahasa Arab dan tatabahasa bahasa Melayu.

Alasmari, et al. (2018) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara aturan morfologi serta struktur ayat bahasa Arab dan bahasa Inggeris menurut aspek tatabahasa. Kesannya, penterjemahan bahasa Arab ke bahasa Inggeris mempunyai kesukaran yang perlu ditangani. Justeru itu, pemahaman terhadap aspek perbezaan dan persamaan antara kedua-dua bahasa, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran amatlah penting untuk membolehkan penterjemahan dilakukan secara tepat.

Bahasa Arab mempunyai sistem kata kerja yang unik berbeza dengan bahasa Inggeris. Dalam bahasa Arab, kata kerja merupakan komponen yang paling penting kerana kata kerja merangkumi perbuatan dan aspek masa (kala). Kata kerja disebut sebagai *al-fi'l* dalam bahasa Arab manakala dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *verb*. Al-Zamakhshary mendefinisikan *al-fi'l* sebagai kata yang menunjukkan suatu peristiwa atau kelakuan yang disertai dengan masa terjadinya (perbuatan) itu (Rijal Mustofa 2017: 17).

Kata kerja dalam bahasa Arab boleh berubah dari aspek fonologi dan morfologinya berdasarkan waktu, iaitu kala lampau, kala kini dan kala mendatang. Menurut al-Rajihi (1971), kata kerja yang boleh membentuk ayat kata kerja mestilah kata kerja sempurna dan menerangkan kejadian peristiwa sama ada dalam pola transitif atau tidak transitif (Ismail Muhamad & Azman Che Mat 2010: 120). Manakala dalam bahasa Inggeris, *verb* memberikan maklumat mengenai sesuatu acara atau perbuatan (Alasmari, et al. 2018:1607).

Rijal Mustofa (2017) dalam kajiannya telah mengemukakan beberapa persamaan dan perbezaan kata kerja dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris menerusi analisis kontrastif terhadap tatabahasa kedua-dua bahasa ini. Perbandingan tersebut dalam dilihat menerusi jadual di bawah:

Jadual 1 Perbandingan Kata Kerja Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab

Bil	Persamaan	Perbezaan
1	Kata kerja dapat disesuaikan dengan waktu	Bahasa Inggeris mempunyai kata kerja bantu (<i>auxiliary verb</i>) seperti [<i>to be: (is, am, are), do/does, have/has, shall, will, can, may, must</i>]
2	Kata kerja dapat diklasifikasikan ke dalam kata kerja aktif aktif dan pasif	Bahasa Inggeris mempunyai kata kerja beraturan (<i>regular verb</i>) dan kata kerja tidak beraturan (<i>irregular verb</i>).
3	Kata kerja mempunyai bentuk perintah	Kata kerja dalam bahasa Arab dipengaruhi oleh subjek seperti kata ganti nama pertama, ganti nama kedua dan kata ganti ketiga mengikut jantina sama ada lelaki atau perempuan
4	Kata kerja mempunyai bentuk negatif	Bahasa Arab mempunyai kata kerja bentuk duaan (<i>tasniyah</i>)
5	Mempunyai kata kerja bentuk tunggal (<i>mufrad</i>) dan majmuk (<i>jama'</i>) mengikut bentuk subjek (tunggal/majmuk)	Terdapat kategori <i>huruf illah</i> di dalam bahasa Arab
6	Kata kerja boleh diklasifikasikan ke dalam kata kerja transitif dan tidak transitif.	Kedudukan kata kerja dalam ayat bahasa Arab berbeza dengan bahasa Inggeris
7	Kata kerja boleh dikonjugasikan menjadi kata nama (<i>noun</i>)	

Aspek persamaan dan perbezaan yang wujud di antara Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris mempengaruhi terjemahan yang dihasilkan. Oleh itu, kajian ini meneliti kedua-dua aspek ini bertujuan untuk mengenalpasti padanan kata kerja dalam abstrak yang menjadi sampel kajian, melakukan perbandingan terhadap aspek sintaksis Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris serta menganalisis kaedah terjemahan yang digunakan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini berbentuk analisis kandungan terhadap abstrak Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris kajian disertasi pelajar sarjana di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Sampel kajian melibatkan 12 abstrak yang dilabelkan dengan A menurut bilangan seperti A1 sehingga A12. Limitasi kajian adalah terhadap abstrak tesis dalam bidang ilmu linguistik Bahasa Arab.

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, perbandingan dilakukan ke atas terjemahan kata kerja dalam abstrak tesis Bahasa Arab ke Bahasa Inggeris. Penumpuan diberikan terhadap penterjemahan kata kerja bagi tiga item utama di dalam kandungan abstrak tesis meliputi objektif, metodologi dan dapatan kajian.

Jadual 2 Objektif Kajian

Perkara	Bahasa Arab		Bahasa Inggeris			
	فعل المضارع	فعل الماضي	Present Tense	Past Tense	Noun	Penggantian Kata Kerja
A 1	تهدف		aims			
A 2	يستهدف		aims			
A 3	تهدف				aim	
A 4		هدفت	aims			
A 5	يهدف					has
A 6	تهدف				objectives	
A 7		هدف	aims			
A 8	تقف على		aims			
A 9	تخدمه عدة أهداف				objectives	
A 10	تسعى إلى		seeks			
A 11	تهدف		highlights			
A 12	يوازن		attempts			

Analisis di atas menunjukkan bagaimana penulis menterjemahkan objektif kajian. Kata kerja yang digunakan dalam Bahasa Arab kebanyakannya ialah dalam bentuk kata kerja kala kini (فعل المضارع) yang menunjukkan waktu sekarang, akan datang atau kebiasaan. Manakala padanan terjemahan dalam Bahasa Inggeris pula didapati dalam tiga bentuk, iaitu kata kerja kala kini (*present tense*), kata nama (*noun*) serta penggantian kata kerja lain. Padanan terjemahan yang dihasilkan dalam Bahasa Inggeris didapati mempunyai bentuk kata yang pelbagai sebaliknya dalam Bahasa Arab cuma melibatkan dua jenis kata kerja utama, iaitu kata kerja kala kini (فعل المضارع) dan kata kerja kala lampau (فعل الماضي).

Dari aspek kosa kata, hampir keseluruhan objektif di dalam Abstrak Bahasa Arab dinyatakan dengan menggunakan perkataan هدف yang diterjemahkan sebagai *aims* dalam Bahasa Inggeris. Perkataan lain yang digunakan ialah يسعى إلى yang diterjemahkan sebagai (*seeks*) and يوازن (*attempts*).

Jadual 3 Metodologi Kajian

Perkara	Bahasa Arab		مصدر	Bahasa Inggeris		
	فعل المضارع	فعل الماضي		Present Tense	Past Tense	Passive Voice
A 1		سارت		adopts		
A 2		اتبع				was drown on
A 3			استخدام		used	
A 4		اعتمدت				were accepted
A 5		انتهج			adopted	
A 6	يستخدم					are used
A 7		عمد			proceeded	
A 8		اتبعت			used	
A 9				applies		
	تتبع					
A 10			اعتمادا على	uses		
A 11		قد اتبع			adopted	
A 12	ينهج				employed	

Bagi bahagian pernyataan metodologi kajian, kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam Bahasa Arab ialah dalam bentuk kata kerja kala lampau (فعل الماضي) yang menunjukkan masa lalu, iaitu perbuatan yang telah dilakukan. Padanan terjemahan dalam Bahasa Inggeris juga kebanyakannya berbentuk kata kerja kala lampau (*past tense*) sebagaimana di dalam A3, A5, A7, A8, A11 dan A12.

Malah terdapat kelainan struktur kata pada padanan terjemahan yang dihasilkan dalam Bahasa Inggeris pada struktur kata pasif (*passive voice*). Ayat di dalam Bahasa Arab yang berstruktur aktif ditukar kepada struktur kata pasif apabila diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris. Contohnya:

Teks sumber:

اتبع الباحث المنهج الوصفي التحليلي (Struktur ayat aktif)

[Kata Kerja] [Subjek] [Objek]

Teks sasaran:

The work **was drown on** descriptive and analytical methodologies (*Passive Voice*)

[Subject] [to be] [Verb 3] [by agent]

Dari aspek kosa kata, beberapa kata kerja berlainan digunakan bagi menyatakan metodologi. Hal ini menunjukkan bahawa pelbagai kata boleh digunakan dalam Bahasa Arab dan juga Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, analisis mendapati padanan terjemahan dalam Bahasa Inggeris adalah berbeza meskipun perkataan Bahasa Arab adalah sama. Contohnya, kata kerja اتبع (تبع) diterjemahkan sebagai *was drown on*, *used* dan *adopted*. Perkara ini menunjukkan kepelbagaian kosa kata dalam Bahasa Inggeris itu sendiri memberi peluang kepada penulis untuk membuat pemilihan padanan yang bersesuaian.

Jadual 4.0 Dapatan Kajian

Perkara	Bahasa Arab		Bahasa Inggeris			
	فعل المضارع	فعل الماضي	Present Tense	Past Tense	Passive Voice	Noun
A 1		توصلت		found		
A 2		قد توصل				findings
A 3		توصلت				findings
A 4	تدل			showed		
A 5	لقد تبين				is found	
A 6		اتضح	indicate			
A 7		دلت		showed		
A 8		توصلت	finds			
A 9	يوصى			recommended		
A 10		خرج	identifies			
A 11		قد توصل				findings
A 12		قد توصلت	discovers			

Bagi pernyataan dapatan kajian pula, kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam Bahasa Arab ialah dalam bentuk kata kerja kala lampau (فعل الماضي) yang menunjukkan masa lalu, iaitu perbuatan yang telah dilakukan. Bagi menterjemahkan kata kerja ini, padanan dalam Bahasa Inggeris tidak hanya dalam bentuk kata kerja lampau (*past tense*) semata-mata. Terdapat juga padanan dalam bentuk kata kerja kala kini (*present tense*) sebagaimana di dalam A6, A8, A10 dan A12.

Sebaliknya, kata kerja kala kini (فعل المضارع) pula diterjemahkan dalam bentuk kata kerja lampau (*past tense*) dalam padanan terjemahan Bahasa Inggeris sebagaimana di dalam A4 dan A9. Terdapat juga perubahan pada struktur ayat aktif kepada ayat pasif pada A5. Kata kerja لقد تبين diterjemahkan kepada *is found* dalam Bahasa Inggeris.

Kata nama (*noun*) juga digunakan bagi menterjemahkan kata kerja kala lampau (فعل الماضي). Kata kerja توصلت (وصل) diterjemahkan sebagai *findings* (dapatan) yang merupakan kata nama dalam A2, A3 dan A11.

KESIMPULAN

Kajian mendapati terdapat perbezaan bentuk kata yang ketara di dalam Bahasa Arab dan padanan terjemahannya dalam Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris didapati mempunyai struktur kata yang tetap manakala Bahasa Arab mempunyai struktur kata yang boleh berubah-ubah. Dari aspek pemilihan kosa kata, Bahasa Inggeris didapati mempunyai padanan yang pelbagai dalam menterjemahkan sesuatu kata. Ini menunjukkan pemilihan padanan terjemahan dalam Bahasa Inggeris mempunyai variasi dari aspek makna leksikal.

Perbezaan yang wujud antara kata kerja Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris ialah penggunaan kata kerja dalam Bahasa Arab berubah mengikut jantina iaitu maskulin (*muzakkar*) dan feminin (*muannath*) manakala Bahasa Inggeris tidak mengalami apa-apa perubahan berdasarkan jantina. Ini dapat dilihat dalam keseluruhan abstrak yang diterjemahkan kepada Bahasa Inggeris. Hal ini kerana Bahasa Arab mempunyai analisis struktur ayat yang berbeza dengan Bahasa Inggeris.

Pemilihan padanan dalam Bahasa Inggeris tidak hanya melibatkan kata kerja, sebaliknya turut melibatkan aspek lain seperti perubahan struktur ayat, iaitu dari aktif kepada pasif. Namun, perubahan struktur ayat ini tidak mengubah maksud asal yang dikehendaki oleh teks sumber.

Dapatan kajian menunjukkan penterjemahan abstrak tesis ini adalah terjemahan formal yang dilakukan secara literal dengan menumpukan kepada salah satu struktur atau bentuk nahu bahasa sumber dan pada masa yang sama menjaga kegramatisan nahu bahasa sasaran. Pendekatan ini lebih setia kepada unsur nahu dan bukannya unsur budaya.

Justeru itu, pengetahuan mengenai persamaan dan perbezaan yang wujud antara kata kerja bahasa Arab dan bahasa Inggeris berperanan penting dalam usaha menghasilkan terjemahan abstrak yang berkualiti dan memuaskan.

RUJUKAN

- Alasmari, J, Watson, J.C.E & Atwell, E. (2018). A Contrastive Study of The Arabic and English Verb Tense and Aspect A Corpus-Based Approach. *PEOPLE: International Journal of Social Sciences* 3(3):1604-1615.
- Azman Che Mat, Azarudin Awang, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Fakhrulazizi Abu Bakar. (2016). *An Analysis on Student Translation Competency as a Language Acquisition Evaluation. International Journal of Humanities & Social Science* 4(3):30-40.
- Lim, E. L. L. (1997). Struktur Ayat Bahasa Inggeris dan Struktur Ayat Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan dan Implikasinya dalam Penterjemahan. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia.
- Goh, S.S. (2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina- Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan. *Gema Online Journal of Language Studies* 11 (1): 35-56.
- Haslina Haroon. (2015). Penterjemahan Gaya Bahasa daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dalam Baris Kepala Iklan. *Jurnal Komunikasi* 31(1): 1-26.
- Ismail Muhamad & Azman Che Mat. (2010). Memaknakan Terjemahan Frasa Sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu Sintaksis- Semantik. *Islamiyyat* 32: 115-134.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Maheram Ahmad. (2015). Perbandingan Teori Penterjemahan Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS* 8(2): 192-210.
- Nur Faezah Mohd Ayob & Hasnah Mohamad. (2015). Perbandingan Terjemahan Manusia dengan Terjemahan Mesin dalam Buku *Fitness 24/7. Jurnal Bahasa* 15(2):307-335.
- Pusat Pengajian Siswazah Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. (2012). Panduan Penulisan Tesis, file:///C:/Users/ADMIN/Downloads/Panduan%20Penulisan%20Tesis.pdf, retrieved 30 July 2018.
- Rijal Mustofa. (2017). Analisis Kontrastif Kata Kerja dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris serta Metode Pengajarannya. Skripsi Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.